



26 SEP, 2025

MoU kerjasama Grid Tenaga ASEAN bakal dimeterai bulan depan

Berita Harian, Malaysia



MoU kerjasama Grid Tenaga ASEAN bakal dimeterai bulan depan

Komitmen penting segera penyeragaman, perkukuh perdagangan elektrik serantau

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Negara anggota ASEAN bakal menandatangani memorandum persefahaman (MOU) bagi mempercepat usaha menyeragamkan kod grid tenaga serantau pada Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga ASEAN bulan depan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata langkah itu dilihat sebagai komitmen penting untuk mewujudkan kesalinghubungan sistem tenaga merentasi sempadan negara, sekali gus memperkukuh perdagangan elektrik serantau.

Katanya, fokus utama inisiatif berkenaan adalah memastikan kesalingoperasian, termasuk menyelaras peraturan, perundangan serta model perdagangan tenaga di setiap negara anggota.

"ASEAN sudah mempunyai asas kukuh untuk digerakkan



Fadillah (tengah) berucap pada Sidang Kemuncak Perniagaan ASEAN-EU 2025 di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)

ke peringkat seterusnya memandangkan perdagangan tenaga rentas sempadan antara Laos, Thailand, Malaysia dan Singapura sudah berjalan.

"Kita ada model perniagaan yang jelas. Sekarang cabarannya adalah untuk mengenal pasti perbezaan dari segi piawaian, peraturan dan amalan di negara anggota lain sebelum kita harmonikan bersama.

"Dari situ, kita akan bergerak

ke depan," katanya ketika ditemui media pada Sidang Kemuncak Perniagaan ASEAN-EU 2025 di Kuala Lumpur, semalam.

Fadillah berkata, proses harmonisasi ini memerlukan rundungan teliti kerana membabitkan pelbagai aspek teknikal, undang-undang dan dasar tenaga yang berbeza di antara negara anggota.

Pada masa sama, katanya ASEAN turut memberi perhatian terhadap pengalaman Kesatuan Ero-

pah (EU) yang lebih ke hadapan dalam pelaksanaan perdagangan tenaga rentas sempadan.

"EU telah lama mengamalkan pertukaran tenaga elektrik antara negara anggota dan kejayaan mereka dianggap sebagai rujukan penting untuk ASEAN.

"Pengalaman EU sangat penting untuk kita pelajari. Mereka sudah melalui cabaran besar, termasuk dari segi teknikal, perundangan dan kewangan. Dengan

belajar daripada mereka, ASEAN dapat mengelakkan kesilapan sama serta menjimatkan masa dalam merealisasikan Grid Tenaga ASEAN (APG)," katanya.

Langkah perkukuh APG

Fadillah turut berharap ASEAN dapat menganjurkan bengkel khas bersama EU bagi membincangkan langkah memperkukuh APG termasuk aspek teknikal, kewangan dan tadbir urus perdagangan elektrik rentas sempadan.

Dalam pada itu, Fadillah berkata, Malaysia tidak mampu mencapai sasaran 70 peratus campuran tenaga negara daripada sumber boleh diperbaharui menjelang 2050 tanpa kerjasama serantau.

Beliau menegaskan perdagangan tenaga rentas sempadan adalah kunci utama bagi merealisasikan komitmen peralihan tenaga nasional, sekali gus memerlukan dasar yang jelas dari segi peraturan dan undang-undang untuk menyokong agenda itu.

"Sekadar membina infrastruktur sahaja tidak mencukupi. Kita perlu ada dasar yang jelas supaya potensi sektor tenaga dapat diterjemahkan sepenuhnya.

"Dengan Malaysia sahaja, kita tidak mampu capai 70 peratus tenaga boleh diperbaharui, sebab itu kerjasama ASEAN amat penting," katanya.